

Industri sumber asas

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

DI PEMBUKAAN seminar pelaburan anjuran Financial Times dan Bank-bank Perdagangan Bumiputera Isnin lalu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyebut tentang kemungkinan Kerajaan mengadakan sekatan-sekatan tertentu terhadap eksport bahan-bahan asas keluaran negara untuk menentukan supaya kilang-kilang tempatan mempunyai cukup bahan-bahan mentah untuk kegunaan mereka. Sebenarnya sekarang pun beberapa langkah telah dilaksanakan: Sekatan ke atas eksport beberapa jenis balak telah dikuatkuasakan dan cukai eksport bagi bahan-bahan mentah seperti minyak sawit, timah dan getah telah dikenakan dengan tujuan menggalakkan supaya bahan-bahan ini diproses di dalam negeri. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir pertumbuhan sektor pembuatan yang menggunakan sumber-sumber asas tempatan boleh membawa faedah yang besar kepada negara. Selain dari memperluas asas untuk pertumbuhan industri selanjutnya ini juga akan menambah pendapatan tukaran wang asing negara dan menambah peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

Dasar pembangunan Industri Kerajaan adalah jelas. Dekad lapanpuluhan ini telah dirancang untuk membawa negara kepada era industri baru yang bercorak teknologi kompleks, berat dan berasaskan kepada sumber-sumber utama. Ini adalah selaras dengan perkembangan yang telah tercapai di dalam dua dekad sebelumnya. Dalam tempoh ini beberapa kejayaan penting telah tercapai. Pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar yang sistematik dan berimaginasi telah dapat menghasilkan pertumbuhan berbagai jenis industri kecil dan sederhana. Pelaburan luar dan teknologi asing juga telah berjaya dibawa masuk dengan berkesan. Walaupun beberapa masalah seperti kekurangan tenaga mahir dan kepakaran di bidang-bidang teknik dan pengurusan masih wujud namun pada keseluruhannya dapat dianggap bahawa infrastruktur dan perkembangan-perkembangan yang telah tercapai setakat ini telah meletakkan negara pada tapak yang tegap untuk terus melangkah ke zaman industri baru ini.

Dari satu segi lain langkah Kerajaan untuk mengembangkan industri sumber asas ini merupakan suatu tindak-balas yang logik kepada masalah pengurusan dan pengeluaran bahan-bahan mentah negara yang kian problematik. Jika pengeluaran bahan-bahan seperti getah dan minyak sawit dapat terus ditingkatkan, pengeluaran bahan-bahan lain seperti minyak dan kayu balak adalah tertakluk kepada bekalan yang terhad. Keadaan ini memberikan dorongan yang kuat untuk negara mendapatkan faedah yang maksima dari pengeluaran setiap bahannya. Di samping itu wujud pula masalah pengawalan harga di pasaran dunia yang tidak sepenuhnya dapat dikuasai. Kesemua faktor ini menunjuk kepada hanya satu jalan iaitu mempergiat kadar pembangunan industri-industri sumber asas di negara ini. Inilah sahaja pilihan kita yang wajar.